


BELANJAWAN 2013 PAKATAN RAKYAT



KANDUNGAN

SOROTAN

Lebih Wang dalam Poket Rakyat	2
Ekonomi	3
Tiga Teras Belanjawan	4
Belanjawan 2013	9

MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

Keyakinan Di Antara Kewaspadaan	11
---------------------------------	----

TERAS 1: MENINGKATKAN PENDAPATAN BOLEHGUNA, MENGURANGKAN BEBANAN EKONOMI

Rumah Mampu Milik Untuk Semua	15
Meningkatkan Pendapatan Rakyat Malaysia	22
Reformasi Sektor Automotif & Pengangkutan Awam	30
Mengurangkan Kos Sara Hidup	37

TERAS 2: MEMBANGUN KELOMPOK USAHAWAN, MENYOKONG PERSAINGAN SIHAT

Tegas Ke Atas Monopoli, Lebih Tegas Terhadap Kronisme	43
Reformasi GLC: Petronas Didahulukan	47
Membina Kelas Keusahawanan	51

TERAS 3: MASYARAKAT YANG ADIL, BERMARUAH DAN BERMARTABAT

Keadilan dalam Agihan Hasil Minyak	54
Penghormatan dan Pengiktirafan Terhadap Suri Rumahtangga	58
Masyarakat yang Selamat Mencipta Masyarakat yang Makmur	60

ANEKDOT

Malaysia Pada Tahun 2022	64
--------------------------	----

SOROTAN

LEBIHAN WANG DALAM POKET RAKYAT

Pelaksanaan sepenuhnya cadangan yang terkandung di dalam Belanjawan Pakatan Rakyat 2013 dan cadangan-cadangan lain yang terkandung di dalam Buku Jingga dan dokumen lainnya akan meningkatkan pendapatan boleh guna bulanan isi rumah* rakyat biasa di Malaysia seperti berikut:

	Ringgit Malaysia (RM)
Penjimatan dari penurunan harga kereta	70
Penjimatan dari penghapusan tol (jumlah keseluruhan untuk tempoh setahun)	50
Penghapusan pinjaman PTPTN bagi peminjam yang berkeelayakan	200
Elaun khas pendidik seperti yang terkandung di dalam <i>Buku Jingga</i>	500
Sumbangan Kerajaan bagi <i>Caruman Wanita Nasional</i> untuk isteri	50
Penjimatan dari penurunan harga makanan dan barang kesan penurunan harga minyak dan caj pengangkutan, anggaran 5%	60
JUMLAH PENINGKATAN PENDAPATAN BOLEH GUNA BULANAN	930

**Isi rumah Malaysia yang biasamerujukkepadasebuahkeluargaterdiridari lima (5) orang denganbapabekerjasebagai guru, memilikisebuahkereta, sebuahrumahberhargabawah RM250,000, masihmembayarpinjaman PTPTN, menetap di LembahKlangdanpulangke kampung di AlorSetar, Kedah sebanyakempat (4) kali dalamtempohsetahun.*

SOROTAN

EKONOMI

Belanjawan Pakatan Rakyat 2013 mengambil kira pelbagai pandangan dan sumber terhadap halatuju ekonomi Malaysia dalam tahun 2013. Ramalan ini digunakan secara meluas dalam simulasi dan unjuran kewangan dan kesan ekonomi ke atas belanjawan ini.

RM1,064bilion
adalah saiz ekonomi Malaysia menjelang hujung tahun 2013*

5.2%
kadar pertumbuhan ekonomi

Kadar inflasi
3.0%

Menjelang 2013, defisit belanjawan akan dikurangkan
3.5%

SOROTAN

*pada harga semasa, selepas perubahan semulatah untahan asas angka ekonomi kebangsaan hinggalah tahun 2005

3 TERAS BELANJAWAN

Kebijaksanaan umum menanggapi Malaysia dengan pelbagai barah ekonomi yang secara sistematik telah merosakkan keupayaannya untuk bersaing dalam ekonomi berasaskan pengetahuan global selepas tempoh di mana sumber semulajadi luput.

Paling merosakkan di antara semua barah ini adalah gejala rasuah yang berleluasa, ekonomi naungan dan penyelewengan yang telah mewujudkan budaya kronisme di dalam masyarakat. Walaupun rasuah dan ekonomi naungan terus menularkan sel barah terhadap ekonomi negara, kelompok kroni menjadi halangan yang melumpuhkan mana-mana dasar yang bertujuan untuk menggalakkan daya saing dan keusahawanan tulen ke dalam ekonomi. Rakyat cukup menderita akibat semua ini.

Rasuah, ekonomi naungan dan kelompok kroni merupakan herotan besar terhadap ekonomi yang mengakibatkan kenaikan harga manakala gaji dan pendapatan tidak meningkat. Institusi-institusi kerajaan goyah tatkala berdepan dengan elit pemerintah yang sangat berpengaruh dan bersifat pendendam kesan daripada sistem ini.

Belanjawan Pakatan Rakyat 2013 menetapkan tiga teras strategik yang bertujuan untuk mengatasi barah ini dengan mensasarkan secara khusus gejala rasuah yang berleluasa dan ekonomi naungan kelompok kroni. Menghapuskan budaya ini akan memberikan kesan yang mendalam terhadap nadi utama sistem ekonomi negara.

Dengan menghapuskan halangan dan penyelewengan ini, Pakatan Rakyat menjamin bahawa kemakmuran yang dibawa menerusi pertumbuhan ekonomi yang mapan dan kukuh akan dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat – dari peneraju industri hingga ke operator pengeluaran di kilang, dari kelompok mewah hingga ke kumpulan ibu/bapa tunggal dan pekerja kurang upaya.



Sorotan terhadap langkah dan dasar utama yang dibangunkan untuk setiap teras belanjawan dalam mencapai matlamat *ekonomi rakyat negara berkat* adalah seperti berikut:

MENINGKATKAN PENDAPATAN BOLEH GUNA, MENGURANGKAN BEBAN EKONOMI

- Penubuhan Lembaga Perumahan Negaradengan tanggungjawab dan skop yang diperluaskan untuk melaksanakan projek-projek perumahan besar-besaran berpatutan di seluruh negara. 100,000 rumah mampu milik dalam lingkungan harga RM130,000 hingga RM300,000 akan dibina oleh Lembaga Perumahan Negaradengan suntikan modal awal sebanyak RM5 bilion pada tahun 2013. 50,000 rumah ini akan dibina di bandar-bandar di dalam Lembah Klang.
- Duti eksais kereta akan dikurangkan sehingga 20% dalam tahun 2013 untuk memulakan langkah penyelarasan secara berperingkat cukai yang terlalu tinggi ke atas kereta. Langkah ini dijangka akan meningkatkan pendapatan boleh guna 3 daripada 4 keluarga di Malaysia dan mengukuhkan permintaan domestik dengan mengalihkan RM2 bilion ke dalam ekonomi.
- Pelaksanaan gaji minima sebanyak RM1,100 secara menyeluruh seperti yang ditetapkan oleh Pakatan Rakyat untuk sektor awam dan swasta akan

menyaksikan sebanyak RM2 bilion digunakan untuk menaikkan gaji penjawat awam mencapai tahap gaji minima (bakal memberi manfaat kepada 300,000 orang) dan memberi kesan penyelarasan gaji ke atas yang lain. Skala kenaikan gaji dijangkakan dalam lingkungan 2% - 8%.

- Meningkatkan Bayaran Kebajikan daripada RM300 ke RM550 sebulan yang secara serta merta membebaskan 84,000 buah keluarga yang kini hanya meraih pendapatan di bawah RM500 iaitu kategori miskin tegar.
- Kemasukan pekebun kecil yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan ekonomiluar bandar kepada mekanisme keselamatan menyeluruh dengan menyatukan data daripada semua agensi kerajaan termasuk Risda, Felcra dan lain-lain lembaga pertanian ke dalam pangkalan data Jabatan Kebajikan yang sedia ada untuk memastikan tiada siapa yang ketinggalan. Satu bentuk bantuan *one-off* sebanyak RM500 hendaklah diedarkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada setiap isi rumah yang terjejas akibat kejatuhan teruk harga getah dan harga barangan komoditi lain.

MEMBINA KELAS KEUSAHAWANAN, MEMPROMOSI PERSAINGAN KONSTRUKTIF

- Pemansuhan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk memberikan tumpuan terhadap semua pelaburan dan projek kerajaan ke dalam Khazanah Nasional. Kewujudan 1MDB menyerupai fungsi Khazanah dan membayangi strategi pelaburan yang dilaksanakan menerusi Khazanah. *Pakatan Rakyat* akan menjamin bahawa semua aset awam akan dikembalikan kepada rakyat dengan menilai semula semua perjanjian komersial yang telah dipersetujui oleh 1MDB.
- Akta Anti-Persaingan yang lebih tegas hendaklah digubal dan satu kuasa Suruhanjaya Anti-Persaingan ditugaskan untuk menghukum bahkan memansuhkan syarikat atau perusahaan yang mengenakan monopoli yang tidak adil dan menyekat pertumbuhan syarikat lain dalam ekonomi. Insentif khas, dan keutamaan bagi pemilik perniagaan untuk menggalakkan semangat keusahawanan dalam masyarakat.
- Rasionalisasi pelaburan kerajaan dalam perniagaan melalui penjualan kepada pihak pengurusan profesional syarikat bukan teras sedia ada. Fungsi dan peranan

Ekuinas hendaklah dirombak untuk memberi tumpuan kepada memudahkan pengurusan *buy-out* (MBOs) syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang terlibat dalam perniagaan bukan teras oleh pasukan pengurusan profesional yang berkeelayakan, cekap dan tulen.

- Pelaksanaan polisi dividen minimum sebanyak RM2 bilion setahun ke atas Khazanah untuk meningkatkan kebertanggungjawaban dan peranannya dalam pembangunan negara, sama dengan peranan yang dimainkan oleh PETRONAS selama ini.

MASYARAKAT ADIL, BERMARUAH DAN BERMARTABAT

- Penubuhan syarikat minyak milik negeri tahap kedua dan syarikat-syarikat gas untuk Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan dan negeri-negeri pengeluar minyak lain untuk mendapat manfaat daripada pelaburan kewangan yang dibuat ke medan marginal melalui *kontrak perkongsian risiko* (SBTT). Minyak milik negara dan syarikat-syarikat gas dipupuk supaya mampu bersaing di peringkat antarabangsa pada masa hadapan dalam jangkaan rizab yang semakin berkurangan di Malaysia.
- Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Kuching ke Kota Kinabalu dan pantai timur Sabah, selaras dengan Deklarasi Kuching yang mengiktiraf keperluan mendesak untuk membawa pembangunan di Sabah dan Sarawak supaya setanding dengan negeri-negeri lain.
- Pelaksanaan *Caruman Wanita Nasional* yang sepadan dengan penjimatan suami bagi seorang suri rumah dengan sumbangan kadar rata RM600 setahun oleh kerajaan. Skim ini adalah skim keselamatan sosial peringkat kebangsaan pertama untuk wanita yang akan memperkasa mereka dari segi ekonomi dan sosial.
- Pakatan Rakyat akan meneruskan dasar gabungan penempatan semula anggota polis dan rasionalisasi pengambilan pelajar baru pada tahun-tahun akan datang untuk memastikan sumber manusia dan kewangan yang betul akan dimasukkan dalam usaha memerangi jenayah. Unjuran kami menunjukkan bahawa kenaikan gaji sebanyak 15% boleh dilaksanakan untuk anggota polis di seluruh negara jika penempatan semula dan dasar rasionalisasi dijalankan.

Menerusi ketiga-tiga teras yang menjadi tumpuan utama *Belanjawan Rakyat 2013*, penekanan menyeluruh terhadap pembangunan manusia, pendidikan percuma, menurunkan harga untuk semua, merangsang pertumbuhan perniagaan kecil dan perusahaan dan memastikan pembangunan yang adil untuk setiap lapisan masyarakat kekal sebagai polisi ekonomi *Pakatan Rakyat*.

SOROTAN

BELANJAWAN 2013

RM197 bilion

hasil yang dijangkakan

Hasil cukai	144,281.0
Cukai langsung	109,756.4
Syarikat	51,267.6
Cukai Perolehan Petroleum (PITA)	26,888.9
Individu	24,122.1
Cukai langsung lain-lain	7,477.8
Cukai tidak langsung	34,524.6
Duti eksais	12,593.9
Cukai perniagaan	9,189.1
Cukai tidak langsung lain-lain	12,741.6
Hasil tidak cukai	52,826.6
Lesen/permit	11,935
Pendapatan pelaburan	34,660
Lain-lain	6,232
Hasil keseluruhan kerajaan	197,107.6

RM234 bilion Jumlah Perbelanjaan

3.5%

Defisit

RM185 bilion Perbelanjaan Operasi

RM49 bilion Perbelanjaan Pembangunan

Pecahan peruntukan operasi dalam RM juta:

	<u>2012F</u>	<u>2013B</u>	<u>%</u>
Emolumen (1)	52,017	56,017	7.7%
Pencendangajaran	12,088	12,088	0.0%
Cajhutang perkhidmatan (2)	20,453	19,430	-5.0%
Geran untuk kerajaan negeri (3)	5,846	12,261	109.7%
Bekal andan perkhidmatan (4)	30,480	24,384	-20.0%
Subsidi (5)	33,197	29,877	-10.0%
Pemerolehan aset (6)	1,124	899	-20.0%
Bayaran balik dan hapuskira	1,362	1,362	0.0%
Geran kepada badan berkanun	14,451	13,006	-10.0%
Lain-lain (7)	10,566	16,009	51.5%
	<u>181,584</u>	<u>185,335</u>	

- (1) Peningkatan untuk menggambarkan penyesuaian gaji minima sebanyak RM1, 100 dilaksanakan untuk sektor awam
- (2) Penarikan semula pinjaman dan jaminan kewangan daripada entiti tidak berprestasi atau berbentuk penipuan (contohnya NFC)
- (3) Menyalurkan sebahagian peruntukan daripada 20% royalti minyak kepada negeri yang menghasilkan minyak
- (4) Penjimatan kos dan tidak boros mengurangkan bil perolehan kepada 20% seperti yang dicapai di Selangor
- (5) Membayar pampasan kepada konsesi tol secara berfasa dan merombak semula sistem subsidi untuk padi, gula dan produk lain untuk mengoptimumkan nilai kepada kerajaan
- (6) Penjimatan kos dan menghapuskan pembaziran mengurangkan bil perolehan aset kepada 20% seperti yang dijayakan di Selangor
- (7) Menyediakan peruntukan untuk melaksanakan pendidikan percuma dan *Caruman Wanita Nasional*

MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

KEYAKINAN DI TENGAH KEWASPADAAN

Ekonomi dunia mengalami tempoh keyakinan yang sangat singkat pada awal 2012. Walaupun pertumbuhan global dicatatkan pada 3.9% pada tahun 2011, kadar pertumbuhan yang lebih rendah antara 3 hingga 4% dijangka untuk 2012, akibat dari krisis hutang Euro yang berlarutan selama hampir 3 tahun, serta kelembapan pertumbuhan ekonomi di negara-negara maju; seperti UK dan zon Euro, serta pertumbuhan ekonomi yang sangat lembap di Amerika Syarikat dan Jepun, selepas dilanda Tsunami.

Kerajaan di negara-negara maju ini terpaksa mengambil langkah-langkah penjimatan, pemotongan perbelanjaan kerajaan dan konsolidasi fiskal sebagai respons kepada pakej rangsangan yang besar untuk menghadapi kemelut dan kemelesetan ekonomi global 2008/2009. Sektor swasta mereka bertindak mengurangkan nisbah; perniagaan, isi rumah, tenaga buruh pasaran perumahan yang lemah di Eropah dan AS tidak memberikan petanda yang baik bagi ekonomi global pada tahun 2013.

Pernah dianggap pasaran yang menjanjikan pengembangan, negara-negara BRIC juga mengalami kerugian yang amat ketara, khususnya di China, India dan Brazil. Pertumbuhan KDNK suku kedua 2012 di China jatuh di bawah paras 8% YoY-nilai ambang ke 7.6% YoY dan perdagangannya juga turut terjejas kesan dari kemelut Euro; KDNK India juga merudum kepada 5.5% pada suku kedua 2012. Brazil mengalami kemelesetan ekonomi selama 4 tahun berturut-turut dengan satu marginal 0.5% pertumbuhan YoY pada suku kedua 2012.

Ringkasnya, pertumbuhan merosot dengan mendadak; jarang mencapai 3% pertumbuhan pada 2012 (pemerhatian terakhir 2Q2012, OECD September 2012). Perdagangan global juga menyusut dengan ketara, halatuju perniagaan yang tidak menentu telah dilanda krisis Euro dan suasana ekonomi global yang suram.

Malaysia Hari Ini

Sebagai sebuah ekonomi yang kecil, terbuka dan bergantung kepada perdagangan, Malaysia terdedah kepada headwinds luaran dan keadaan global yang lemah melalui saluran perdagangan dan kewangan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkemungkinan untuk menyeret antara 4.5% hingga 5.0% dalam dua suku akan datang kerana permintaan eksport yang lemah dijangka terus berat ke atas ekonomi Malaysia memandangkan prospek suram ekonomi global. Jika tidak kerana suntikan yang berterusan dan pengumuman projek awam, pertumbuhan boleh menjadi lebih rendah.

Malaysia telah gagal untuk mencapai pertumbuhan yang *dikehendaki* sebanyak 6% untuk 8 suku berturut-turut sejak 3Q2010. Ini menjadikan bilangan sasaran makroekonomi yang digariskan dalam pelbagai rancangan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan Barisan Nasional menjadi akademik, kerana sangat jelas bahawa sasaran ini tidak akan dipenuhi berdasarkan pertumbuhan KDNK 6%.

Seperti yang kita telah nyatakan dalam Bajet Bayangan 2012 kami sebelum ini, kedudukan fiskal Malaysia lemah dan peningkatan tidak kelihatan sejak tahun lepas. Pilihan fiskal yang terhad ini memberi kesan kepada keupayaan untuk mengendalikan situasi ekonomi global yang semakin teruk.

- Pada tahun 2007, sebelum krisis 2008/09, defisit belanjawan persekutuan adalah RM20.66 bilion dan jumlah hutang persekutuan adalah RM 266.72 bilion; bersamaan dengan 40.1% daripada KDNK;
- Pada 2011, defisit persekutuan telah mencecah RM42.51 bilion, dengan jumlah hutang persekutuan sebanyak RM456.13 bilion pada akhir tahun 2011, bersamaan dengan 51.8% daripada KDNK, hampir mencapai had 55% kerajaan persekutuan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983;
- Malah, penilaian agensi Fitch selanjutnya menurunkan hutang penarafan jangka panjang RM negara kepada A- dari A pada bulan Ogos 2012. Standard & Poor juga telah diberi amaran yang sama pada awal bulan September 2012. Malaysia belum mampu untuk menjamin pulangan kepada penarafan sebelumnya A +. Malah, Fitch memberi amaran penurunan mungkin akan berlaku lagi jika nisbah hutang awam yang semakin merosot di negara ini tidak diterbalikkan. Menurut laporannya lagi, kewangan awam Malaysia mempamerkan kelemahan struktur, fleksibiliti fiskal dikurangkan oleh subsidi minyak.

- Mana-mana potongan dalam taraf kredit Malaysia boleh memberi kesan negatif kepada prestasi pasaran modal dan kekuatan Ringgit.
- Kerajaan Barisan Nasional terus meningkatkan perbelanjaan melalui satu inisiatif membeli undi yang dikatakan sebagai pemberian awam, yang kami jangkakan akan meningkat lagi dalam Pilihan Raya Umum ke-13 yang bakal diadakan tidak lama lagi.
- Dengan cara Barisan Nasional berbelanja, jumlah hutang keseluruhan kerajaan Persekutuan bakal mencecah setengah trilion menjelang akhir 2012; termasuk liabiliti luar jangka dalam bentuk bon jaminan kerajaan dianggarkan bernilai RM117 bilion – nisbah hutang awam boleh mencecah hampir 68%.

Skop untuk mengepam dan langkah-langkah rangsangan dalam menghadapi kelembapan lain kini terhad. Sesungguhnya sikap acuh tak acuh kerajaan Barisan Nasional dalam perbelanjaan wang untuk program-program membeli undi pasti melumpuhkan fiskal kerajaan kelak.

Mujurlah Malaysia masih bernasib baik kerana kekuatan intrinsik ekonominya memberikan kita beberapa alternatif:

1. Sumber semulajadi kita memberikan asas kestabilan – beberapa fleksibiliti fiskal dan jendela peluang untuk mewujudkan program merombak sistem ekonomi tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada hutang kewangan.
2. Masyarakat pelbagai etnik campuran dan anak muda digabung dengan kebijaksanaan warga yang lebih tua sedang bersiap sedia membawa perubahan politik dan reformasi sosio-ekonomi negara. Dengan iltizam yang sebegitu, Malaysia mempunyai masa depan yang cerah dan lebih berdaya saing.
3. Pengalaman Pakatan Rakyat di Selangor membuktikan kita mampu untuk berjimat cermat dalam perbelanjaan dan mengurangkan pemborosan. Kerajaan negeri Selangor juga berjaya mengurangkan kos sebanyak 24% disebabkan amalan tender terbuka yang dilaksanakan sejak mengambil alih negeri tersebut pada tahun 2008. Ini menunjukkan ia berpotensi untuk menterjemahkan amalan yang sama jika diberi peluang mentadbir di peringkat Persekutuan.

Ini mengukuhkan lagi iltizam Pakatan Rakyat dalam mewujudkan akauntabiliti, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan dana awam melalui beberapa langkah di bawah:

- menjalankan disiplin fiskal yang lebih tegas dan fiskal yang lebih bertanggungjawab
- meluaskan asas pendapatan Malaysia dengan member tumpuan khusus kepada pengutipan cukai langsung yang tinggi (melalui ransangan penggunaan domestik) dan mengetatkan tanggungjawab pulangan pelaburan GLC kepada kerajaan Persekutuan.
- mengutamakan perbelanjaan kerajaan dan mencapai penjimatan kos secara substansial

Semua usaha ini adalah penting demi mengukuhkan dana awam, menyekat defisit bajet dan hutang awam untuk mencapai sasaran rasmi sebanyak 3% untuk nisbah defisit kepada KDNK dan di bawah 50% untuk nisbah Kerajaan Persekutuan hutang-kepada-KDNK menjelang 2015 dan memelihara daya tahan ekonomi dalam menghadapi persekitaran yang sangat mencabar dan tidak menentu ekonomi dan kewangan global.

Mujurlah, terdapat tanda-tanda bahawa orang ramai dan ekonomi respons secara positif dan tuntas kepada langkah-langkah positif yang diambil untuk menangani masalah asas ekonomi. Pengalaman kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor, Kelantan, Kedah dan Pulau Pinang menunjukkan kesan kestabilan dan 'feel good factor' yang cepat diterjemahkan kepada pertumbuhan yang lebih baik.

Terdapat prospek sebenar perubahan di Malaysia dan ditambah dengan daya tahan daripada rakyat, terdapatnya ruang keyakinan walaupun tinjauan global agak kabur.

Berdasarkan analisis di atas, Belanjawan Pakatan Rakyat berdasarkan jangkaan KDNK berkembang sebanyak 5.2% pada tahun 2013.

**MENINGKATKAN PENDAPATAN BOLEH GUNA,
MENGURANGKAN BEBAN EKONOMI**

RUMAH MAMPU MILIK UNTUK SEMUA

Harga rumah semakin meningkat di luar jangkauan rakyat biasa. Antara masalah mendesak yang dihadapi rakyat Malaysia hari ini adalah akses kepada perumahan yang mampu milik bagi ramai yang di dalam kelas rendah dan sederhana di bandar-bandar utama. Kebanyakannya berharga lebih dari harga pasaran terutamanya di bandar-bandar utama Malaysia, iaitu, Kuala Lumpur-Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu. Harga rumah telah meningkat dengan ketara dalam tempoh lima tahun yang lalu.

Indeks harga rumah meningkat dari 118-148 antara 2006 dan 2010. "Skim Rumah Pertama Saya" yang diperkenalkan Barisan Nasional tahun lepas hanya menangani gejala dan bukan puncanya; menyasarkan mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3, 000 sebulan. Pertumbuhan pendapatan tidak berjalan seiring dengan harga rumah.

Pakatan Rakyat komited untuk mengembangkan pendapatan dan memasukkan dasar-dasar untuk mengekang inflasi harga rumah, dan memperkenalkan kaedah baru pemilikan rumah. Hal ini juga memerlukan campur tangan yang lebih tegas dari apa yang diamalkan kerajaan Barisan Nasional kini.

Pakatan Rakyat percaya bahawa sebahagian besar daripada tanggungjawab untuk menyediakan perumahan dan tempat tinggal untuk rakyat terletak di bahu kerajaan Persekutuan dan tidak sepatutnya dilepaskan sepenuhnya kepada pemaju swasta.

Penyediaan Perumahan Mampu Milik Sebagai Tanggungjawab Nasional

Rumah merupakan keperluan asas. Pendekatan semasa oleh Barisan Nasional (BN) yang menyerahkan tanggungjawab menyediakan perumahan mampu milik kepada sektor swasta menafikan keperluan asas ini dan menyumbang kepada peningkatan jumlah keluarga yang benar-benar tidak mampu untuk memasuki pasaran perumahan.

Pakatan Rakyat punyai pendekatan yang radikal untuk menangani isu nasional. Rumah merupakan satu usaha nasional yang hanya boleh dijalankan oleh badan kerajaan yang lengkap dan berkuasa untuk membangunkan projek perumahan awam secara besar-besaran di seluruh negara.

Untuk mencapai matlamat ini, Pakatan Rakyat hendaklah menubuhkan Lembaga Perumahan Negara dengan tanggungjawab dan skop yang diperluaskan untuk melaksanakan projek-projek perumahan berpatutan besar-besaran di seluruh negara.

Tugasnya hendaklah menjuarai kesemua agensi-agensi lain dan jabatan persekutuan yang terlibat dalam projek perumahan awam. Oleh itu, kita akan melaksanakan kajian dan rasionalisasi di semua agensi yang sedia ada yang ditugaskan untuk menyediakan perumahan mampu milik di negara ini termasuk rombakan lengkap falsafah, pendekatan dan pelaksanaan projek-projek perumahan awam.

1. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)
2. Perumahan Rakyat 1Malaysia Corporation (PR1MA)

Walaupun terbukti tidak berkesan dalam memenuhi keperluan keluarga (terutama di kawasan bandar) untuk perumahan mampu milik, respon Barisan Nasional adalah dengan menubuhkan sebuah lagi perbadanan dipanggil Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Lebih malang lagi, ianya adalah badan swasta di mana keuntungan adalah faktor utama dalam menentukan harga dan kawasan perumahan yang mereka bangunkan.

Dijangkakan bahawa PR1MA mungkin gagal kerana SPNB juga telah berkali-kali gagal sebelum ini: mereka tidak bertindak untuk memenuhi masalah asas penduduk bandar dan berkelakuan seolah-olah mereka pemaju rumah swasta yang bersaing untuk keuntungan dan melepaskan tanggungjawab memenuhi keperluan perumahan bandar.

Masalah semasa yang dihadapi oleh kebanyakan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar adalah hasil langsung daripada falsafah perumahan awam yang gagal oleh Barisan Nasional:

1. Terdapat masalah yang amat teruk tentang perumahan mampu milik untuk keluarga berpendapatan rendah dan sederhana, terutamanya hartanah dalam lingkungan harga RM200, 000 kepada RM300, 000 yang berada dalam lingkungan kemampuan golongan ini.
2. SPNB tidak melabur secara berkadar untuk membina hartanah dalam lingkungan harga yang disasarkan untuk keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Kini hanya satu pembangunan projek hartanah yang dinamakan Alam Prima dibangunkan oleh SPNB di Lembah Klang yang memenuhi saiz dan kualiti yang berpatutan dengan unit yang terhad dimana tidak lebih daripada 1,200 yang disediakan kepada orang ramai.
3. Akhirnya SPNB dan PRIMA akan menganugerahkan jumlah pelaburan yang tidak seimbang dalam projek-projek perumahan yang jauh dari pusat Bandar. Ini oleh kerana kedua-dua syarikat-syarikat ini bertindak seperti pemaju swasta di mana keuntungan dan ganjaran kewangan dari projek-projek perumahan menjadi matlamat utama.
4. Ini akan menyebabkan golongan berpendapatan sederhana dan rendah akan terus disisihkan dari kawasan bandar.

Oleh itu, pendekatan remeh-temeh Barisan Nasional untuk menyelesaikan masalah perumahan di negara ini tidak akan dapat mengurangkan beban masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Pakatan Rakyat akan mengamanahkan Lembaga Perumahan Negara dengan penuh tanggungjawab dengan membina 100,000 unit perumahan mampu milik yang berharga antara RM130, 000 hingga RM300, 000 di pusat-pusat bandar utama di seluruh negara dalam tempoh penggal pertama pentadbiran, dengan strategi pelaksanaan yang berikut:

1. Sejumlah dana sebanyak RM5 bilion akan diperuntukkan dengan segera kepada Lembaga Perumahan Negara untuk memulakan projek perumahan awam. Suntikan lanjut sebanyak RM2 bilion hendaklah diperuntukkan pada tahun kedua hingga tahun kelima setiap tahun.
2. Pelaksanaan model baru pemilikan perumahan awam yang dibangunkan oleh Lembaga Perumahan Negara membolehkan pemilikan sebahagiannya oleh pembeli dapat mengurangkan halangan untuk memasuki pasaran perumahan yang dihadapi pasangan muda.
3. Pembangunan semula bandar menjadi batu asas dalam meningkatkan kapasiti dan kualiti perumahan di bandar. Pakatan Rakyat akan mengkaji semula garis panduan pembangunan dan peraturan kerajaan tempatan untuk memudahkan pembangunan semula yang akan dijalankan Lembaga Perumahan Negara dengan niat untuk menukar perumahan lama kepada perumahan yang lebih moden yang mampu dimiliki oleh generasi baru penduduk bandar.
4. Melaksanakan kajian menyeluruh dan rasionalisasi semua agensi yang sedia ada yang ditugaskan untuk menyediakan perumahan mampu milik di negara ini termasuk penstrukturan

semula, penyerapan dan penyatuan Syarikat Perumahan Negara Berhad dan Perbadanan Perumahan Rakyat Malaysia ke dalam Lembaga Perumahan Negara.

Merombak Kementerian Perumahan dan Jabatan Perumahan Negeri

Rumah merupakan isu tempatan yang paling asas dan dasarnya harus mencerminkan keadaan tempatan. Di sesetengah negeri, kemampuan perumahan adalah satu cabaran besar dan kian meningkat, dengan kumpulan berpendapatan sederhana yang sedang dihimpit keluar dari pasaran tersebut; negeri-negeri lain menghadapi cabaran yang berbeza. Walaupun kewujudan langkah-langkah kawal selia, namun, terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah di Malaysia. Oleh itu, mesti ada koordinasi yang sistematik antara lembaga perumahan kebangsaan dan negeri dan kuasa penuh mesti diberikan kepada lembaga perumahan negeri untuk membolehkan mereka menangani cabaran dalam pasaran perumahan tempatan.

Dengan kerjasama jabatan perumahan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, ia mampu:

- Membina langkah-langkah pengawalseliaan untuk meningkat dan menguatkuasakan piawaian kualiti untuk perumahan.
- Menyelesaikan kes-kes tertunggak projek perumahan terbengkalai dan membangunkan hak-hak yang sama rata dalam proses jual beli untuk mencegah amalan tidak adil;
- Membangunkan peraturan yang lebih kukuh dalam membendung penyelewengan dalam industri tersebut seperti 'soft launches' dan penjualan unit berganda kepada kakitangan, rakan-rakan berdasarkan keutamaan, yang menggalakkan spekulasi dan menyebabkan peningkatan harga perumahan;
- Mengetat dan menguatkuasakan kawalan ke atas kelayakan dan peruntukan bagi mana-mana skim perumahan yang menerima sokongan Persekutuan atau negeri, menyekat sewaan dan jualan semula demi melindungi perumahan yang disediakan hanya untuk rakyat;
- Mengukuhkan pengurusan dan penyelenggaraan skim perumahan awam supaya mereka tidak jatuh rosak dan mengurangkan kualiti hidup penduduk;
- Membangunkan dasar untuk menangani isu perumahan untuk pekerja-pekerja asing agar mereka tidak mewujudkan ketegangan dalam masyarakat kita.

Model Bina dan Jual

Masalah projek rumah terbengkalai adalah masalah yang serius. Seperti tahun 2009, 79,000 rakyat Malaysia telah menjadi mangsa kepada projek-projek perumahan yang terbengkalai dan

ditinggalkan². Bahagian yang paling teruk adalah bahawa penderitaan ini amat berleluasa di pasaran kos rendah dan sederhana. Tidak cukup menjadi mangsa kepada kemiskinan, mereka juga dirompak dalam masa yang sama. Masalah ini adalah hasil langsung daripada model 'jual dan bina' yang mendedahkan pembeli rumah Malaysia kepada risiko yang tinggi.

Pakatan Rakyat akan melaksanakan pengubahsuaian kepada model 'bina dan jual' untuk semua projek perumahan kos sederhana rendah berharga RM300, 000 dan ke bawah. Semua projek yang dibangunkan oleh Lembaga Perumahan Negara hendaklah dijalankan di bawah polisi 'bina dan jual' manakala industri hartanah hendaklah diberi tempoh masa lima tahun untuk melihat pelaksanaan penuh polisi ini.

Polisi 'bina dan jual' ini juga akan membantu mengurangkan masalah asas seperti kurang kemahiran dan Sijil Kecergasan (SK) dan isu strata. Pemaju akan memberi tumpuan kepada membina rumah berkualiti seperti yang dijanjikan dalam brosur pemasaran mereka dan pembeli mempunyai peluang untuk memeriksa rumah yang akan dibeli sebelum menghabiskan 90% bayaran yang terakhir. Ini tidak akan menyebabkan harga rumah akan jauh lebih tinggi, seperti yang didakwa oleh sesetengah pemaju. Pasaran hartanah telah menyaksikan inovatif 10/90 atau 5/95 skim di mana hanya wang pendahuluan 10% atau 5% diperlukan, dengan selebihnya perlu 'dibayar' selepas pembinaan selesai:

- Pendekatan 'Bina dan Jual' yang diubahsuai ini mempunyai kesan kewangan yang sama ke atas pemaju - pemaju mengambil 10% pada permulaannya dan baki selebihnya apabila selesai;
- Perbezaan utama ialah bank-bank akan dikehendaki untuk memantau pemaju lebih rapat kerana mereka tidak akan dapat untuk meneruskan pembelian sekiranya projek terbengkalai. Di bawah skim 10/90 atau 5/95 yang ada sekarang, pembeli masih bertanggungjawab dalam kes ini kerana dia telah memeterai perjanjian pinjaman dengan bank.

Walaupun sebahagian besar daripada tanggungjawab untuk perumahan yang berpatutan dalam lingkungan harga RM130, 000 hingga RM300, 000 boleh dibuat dengan kerajaan melalui Lembaga Perumahan Negara, pembinaan rumah boleh berlaku melalui Pelaburan Kewangan Peribadi (PWP), di mana sektor swasta boleh melakukan pembinaan di atas tanah mereka, pajakan kepada kerajaan lalu mengembangkan komitmen kewangan dalam tempoh masa yang lebih lama.

²Sumber: Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (Bahagian Pengawasan & Penguatkuasa)

Menyediakan Perumahan yang Berkualiti (untuk yang berpendapatan bawah RM2,000 sebulan)

Sewaan Sosial

Bagi golongan yang termiskin dalam masyarakat, asas perumahan yang berkualiti perlu disediakan melalui pelbagai pilihan tempoh. Sewaan dan bukannya pemilikan rumah mungkin menjadi pilihan yang lebih sesuai.

Pakatan Rakyat mencadangkan bahawa kerajaan membina perumahan dan sewakan kepada golongan miskin berdasarkan subsidi (sewaan sosial). Satu jumlah unit perumahan harus dibangunkan oleh kerajaan dan kerajaan boleh menyewakannya kepada yang memerlukan dan memastikan golongan ini dapat mencapai standard tertentu dan keselamatan rumah. Sewa rendah menawarkan peluang bagi isi rumah untuk mengumpul sumber-sumber yang cukup untuk bergerak daripada menyewa dan ke peringkat pemilikan rumah, memudahkan mobiliti sosial di samping mengekalkan stok perumahan sosial untuk disewa oleh orang-orang yang memerlukannya.

Perkongsian pemilikan dengan negeri / agensi

Bagi mereka yang berpendapatan rendah, dengan sedikit simpanan, kos 'kemasukan' pemilikan rumah semasa boleh bertindak sebagai penghalang besar bagi mereka.

Pakatan Rakyat mencadangkan model kewangan baru akan diperkenalkan untuk menyokong golongan berpendapatan rendah ke dalam pemilikan rumah melalui model 'pemilikan bersama', berjaya digunakan dalam banyak negara sejak 30 tahun yang lalu. Model yang sama juga dilaksanakan bagi projek-projek perumahan yang berpatutan dalam lingkungan harga RM130, 000 kepada RM300, 000 boleh dilanjutkan kepada perumahan kos rendah dan sederhana untuk golongan miskin dalam masyarakat. Skim perkongsian pemilikan menggalakkan mobiliti sosial dan guna semula rumah (dan pelaburan awam) untuk menyokong generasi akan datang yang perlukan bantuan untuk memasuki pasaran perumahan.

Dalam model kongsi milik ini, negeri membina rumah-rumah dan pemiliknya berkongsi pemilikan dengan agensi. Biasanya orang yang membayar untuk berkongsi pemilikan adalah di antara 25% dan 75% daripada nilai rumah. Negeri, pihak berkuasa tempatan atau sektor yang tidak berasaskan keuntungan memiliki baki saham nilai rumah. Orang yang kemudian menjadi pemilik bersama, membayar sewa pada bahagian agensi. Perkongsian pemilikan hartanah adalah rumah pajakan. Pemilik boleh meningkatkan bahagian kongsi pemilikan beliau pada bila-bila masa dan seterusnya kepada jumlah penuh.

Pembangunan Perumahan Mampan

Perhatian akan diberikan untuk semua unit perumahan oleh kerajaan akan dibina dalam bandar untuk menggalakkan peremajaan semula bandar dan alam sekitar, kehidupan mampan dengan kurang pergantungan kepada kereta. Pakatan Rakyat komited untuk membina sekurang-kurangnya 50,000 unit perumahan kelas pertengahan di pusat-pusat bandar dalam penggal pertama di Persekutuan, menjadikan Kuala Lumpur dan Lembah Klang bandar-bandar yang sesuai untuk didiami.

Kita juga akan melakukan perkara-perkara berikut:

- Bahawa kita tidak akan menjual atau membangunkan tanah untuk tujuan pembangunan Institut Penyelidikan Getah (RRI). Ini akan menjimatkan kita sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah projek MRT Sungai Buloh-Kajang bernilai RM3.47 bilion daripada perlu meneruskan projek MRT jauh ke Sungai Buloh.
- Bahawa pembangunan semula premis bekas penjara Pudu akan dikaji semula dan dirombak ke dalam projek pembangunan yang pelbagai dengan penekanan yang berat pada projek-projek pusat bandar yang sesuai didiami dan berpatutan seiring dengan aspek komersial.
- Projek pembangunan yang kini dirancang untuk Tun Razak Exchange (TRX) hendaklah dikaji semula dan dikecilkan sebagai sebahagian penggulungan bersama 1Malaysia Development Berhad, kerana sudah ada lebih dalam pasaran komersil hartanah.
- Bahawa kita akan berjaga-jaga mempertimbangkan apa-apa pembangunan yang dirancang atas tanah milik kerajaan, dengan niat untuk memastikan pembangunan yang mampan untuk generasi masa hadapan.

Pakatan Rakyat percaya bahawa perumahan yang berpatutan mesti bersepadu dalam bandar dan struktur-struktur lain. Kerajaan perlu memainkan peranan langsung dan aktif dalam memastikan perumahan mampu milik adalah sebahagian daripada rancangannya (sama ada di pihak berkuasa tempatan, negeri atau persekutuan), tidak melepaskannya kepada sektor swasta di pasaran.

**MENINGKATKAN PENDAPATAN BOLEH GUNA,
MENGURANGKAN BEBAN EKONOMI**

MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT MALAYSIA

Meningkatkan Pendapatan menerusi Perubahan Struktur Polisi, Penyusunan Semula Pasaran Buruh

21.6 peratus daripada isi rumah rakyat Malaysia hidup dengan kurang daripada RM50 sehari, atau RM1,500 sebulan. Sementara itu adalah pendapatan isi rumah, pendapatan secara individu adalah jauh lebih rendah. 44.2% daripada kesemua purata isi hanya RM2,500 sebulan. Dianggarkan bahawa purata untuk empat orang sekarang memerlukan RM2,000 untuk hidup selesa, dengan RM68 sehari.

Pendapatan isi rumah yang rendah mewakili masalah, bukan sahaja kepada pelanggan malah perniagaan yang tertumpu pada pasaran domestik. Mencari jalan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah, oleh itu permintaan domestik, akan memberikan rahmat yang lebih mampan kepada hasil Kerajaan dan industry berbanding pendekatan yang cenderung kepada subsidi.

Program Transformasi Ekonomi (ETP) akan membawa kepada pengurangan dalam pengagihan kekayaan nasional kepada golongan penerima gaji daripada 28 peratus sekarang dan menjunam kepada 21 peratus menjelang tahun 2020. Agihan untuk pekerja adalah lebih tinggi di Singapura (40%), Korea Selatan (45%) dan U.S.A. (50%). Dibawah program ekonomi Barisan Nasional, bahagian yang besar dalam agihan kekayaan ekonomi lebih ditumpukan kepada perniagaan besar dan kaya serta berhubung rapat dengan pemerintah elit dengan kesan mengurangkan pendapatan tenaga kerja.

Kos sara hidup mewujudkan bahaya yang berganda bagi rakyat Malaysia ketika bahagian mereka dalam nilai ekonomi berkurangan dari masa ke semasa. Kegagalan Barisan Nasional untuk

menghapuskan herotan ekonomi yang menaikkan harga dan kecenderungan mereka untuk syarikat dan perniagaan demi keuntungan yang tidak seimbang dengan kemampuan pekerja kekal sebagai sumber utama kesusahan ekonomi kepada masyarakat.

Pakatan Rakyat jauh lebih ke depan daripada Barisan Nasional (BN) dalam penekanan kami untuk meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat Malaysia yang bekerja. Objektif ekonomi adalah falsafah yang memacu dasar kami yang awalnya dihuraikan dengan panjang lebar dalam Buku Jingga.

Pakatan Rakyat mengusulkan beberapa pendekatan untuk meningkatkan pendapatan:

1. mengurangkan kos hidup.
2. mengurangkan perkongsian pendapatan dengan syarikat korporat yang bersifat monopoli; dan,
3. memberi kenaikan gaji kerana produktiviti pekerja yang semakin baik serta mengurangkan tekanan yang menjunam terhadap gaji kerana pekerja asing berkemahiran rendah.

Melalui polisi yang kukuh iltizam untuk menaikkan gaji demi mencerminkan perkongsian saksama nilai ekonomi yang dicipta dan ciptaan pekerjaan untuk meningkatkan kualiti pekerjaan, Pakatan Rakyat yakin bahawa sasaran pendapatan isi rumah minimum RM4, 000 sebulan bagi setiap isi rumah di Malaysia boleh dicapai dalam tempoh 5 tahun pertama Pakatan Rakyat sebagai kerajaan.

Tatacara polisi akan membantu peningkatan produktiviti yang pada gilirannya akan memberikan pulangan kepada perniagaan dan peningkatan gaji. Peningkatan dalam pendapatan isi rumah adalah perlu diraih bukan diberi. Peningkatan pendapatan juga akan membawa kepada peningkatan hasil cukai untuk tahun-tahun berikutnya.

Ketika keluaran industri meningkatkan kehendak untuk produktiviti, Pakatan Rakyat meletakkan komitmen jangka panjang dalam mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing, membuka hamper 1 juta peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Sumbangan sektor pembuatan kepada ekonomi Malaysia telah merosot sejak 2005. Nilai tambah oleh pembuatan sebagai peratusan daripada KDNK menurun kepada 26 peratus pada 2010 daripada 30 peratus pada tahun 2005. Kemerosotan ini kali terakhir dilihat pada separuh pertama tahun 1990-an. Malaysia sedang mengalami di-industrialisasi.

Sektor pembuatan mempunyai pertumbuhan produktiviti yang lebih pantas daripada sektor perkhidmatan dan pertanian. Jika pendapatan meningkat didorong oleh peningkatan produktiviti maka pengembangan sektor pembuatan akan menjadi kawasan pertumbuhan strategik utama. Mengimport teknologi mampu memacu sebahagian besar daripada peningkatan produktiviti. Ketidakeimbangan perdagangan yang ditanggung daripada ini perlu diimbangi dengan peningkatan eksport sektor pembuatan.

Walaupun sektor perkhidmatan menguasai ekonomi Malaysia, namun nilai eksportnya rendah berbanding sektor pembuatan. Sektor pertanian pula berada di bawah persaingan komoditi utama yang sengit. Pengukuhan sektor pembuatan juga akan menggalakkan peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan yang berkaitan. Oleh itu, de-industrialisasi ekonomi Malaysia perlu dipulihkan untuk kemakmuran negeri. Pengukuhan sektor pembuatan akan melimpah ke dalam sector perkhidmatan kerana perkhidmatan yang berkaitan dengan pembuatan cenderung untuk menikmati peningkatan produktiviti yang lebih besar.

Undang-undang anti-persaingan yang kukuh dan penguatkuasaan terhadap amalan *rent seeking*

Pakatan Rakyat percaya bahawa perubahan struktur kepada ekonomi hanya boleh dikuatkuasakan melalui undang-undang pecah amanah yang kukuh dan menggalakkan perniagaan dan syarikat-syarikat untuk bersaing secara sihat. Kewujudan undang-undang yang boleh dipercayai dan juga dikuatkuasakan mampu melindungi hak pengguna. Syarikat-syarikat yang berkembang maju dalam persekitaran perniagaan yang dijalin oleh persaingan yang kuat (yang dikuatkuasakan oleh undang-undang pecah amanah yang kukuh) akan mampu untuk bersaing dalam dunia global.

Pakatan Rakyat akan menggubal undang-undang pecah amanah yang baru dengan mandat dan skop yang lebih besar daripada Akta Persaingan sedia ada. Akta baru itu akan menubuhkan Suruhanjaya Anti-Pecah Amanah yang diberi kuasa untuk mengenakan denda dan juga memisahkan syarikat sebagai sebahagian daripada usaha Pakatan Rakyat menolak terhadap monopoli dan oligopoli.

Pengawasan akan diberikan untuk mengambil kira syarikat atau industri dengan kepentingan strategik negara untuk mengimbangi antara menolak untuk persaingan yang lebih besar dalam ekonomi (dengan menyingkirkan perniagaan yang mendapat manfaat semata-mata daripada “rent seeking”) dan keperluan untuk melindungi strategi negara.

Akta Persaingan 2010 yang sedia ada diwujudkan bertujuan untuk melarang perjanjian anti-persaingan dan penyalahgunaan oleh pemain dominan seperti penetapan harga, penipuan bida dan harga melampau. Walau bagaimanapun, Akta Persaingan 2010 tidak meliputi perniagaan yang dikawal selia di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Akta 1998 dan Akta Suruhanjaya Tenaga 2001. Ini bermakna sektor perniagaan yang sangat utama dan besar termasuk syarikat telekomunikasi, TV satelit Astro pembekal dan pengeluar tenaga bebas (IPP) adalah dikecualikan. Pakatan Rakyat akan memanjangkan Akta Persaingan kepada semua sektor ekonomi.

Dengan kekuatan baru pelaksana serta undang-undang pecah amanah, Akta Persaingan yang dipinda dan Unfair Public Contract Act (akan digubal sebagai jelaskan di bawah), Pakatan Rakyat akan berusaha menamatkan monopoli dan oligopoli yang berikut:

- Memansuhkan monopoli Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) untuk mengimport beras. Sebaliknya, lesen import akan dianugerahkan melalui satu sistem yang lebih kompetitif, terbuka dan telus
- Syarikat Kartel Telekomunikasi akan dihentikan.
- Kartel media dan akhbar akan dihentikan
- Kartel perkhidmatan penerbangan akan dihentikan
- Monopoli Astro untuk perkhidmatan siaran langsung televisyen satelit akan diliberalisasikan
- Lesen teksi akan diberi secara terus kepada pemandu teksi secara individu.

Galakan dan insentif untuk pemilik yang menguruskan perniagaan

Pakatan Rakyat akan membantu pemilik yang menguruskan sendiri perniagaan (mandiri) mereka dan mengiktiraf mereka ini sebagai batu asas kepada perkembangan ekonomi yang sihat. Menjadi matlamat kerajaan persekutuan Pakatan Rakyat untuk membentuk dan melahirkan sebanyak mungkin pemilik bisnes yang mandiri dan untuk menjadi nilai tambah kepada ekonomi negara.

Ini akan dilaksana dengan pemberian beberapa geran khusus dan insentif cukai untuk pemilik bisnes yang mandiri hingga ke beberapa tahap, sebagai sebahagian daripada penstrukturan pelaburan dan insentif cukai yang akan dilaksana Pakatan Rakyat.

Pakatan Rakyat juga akan berusaha menyusun semula polisi dan amalan perolehan bagi membantu pemilik bisnes yang mandiri dan pembida di dalam beberapa kategori contract, sebagai pemangkin kepada pertumbuhan kelas usahawan ini kelak.

Meningkatkan persaingan dengan pengolahan semula kontrak berat sebelah

Seperti yang diumumkan, Akta Kontrak Awam Berat Sebelah akan digubal dan satu Suruhanjaya Kontrak Awam yang bebas akan ditubuhkan untuk meneliti konsesi dan perjanjian yang berat sebelah dan tidak menepati kepentingan rakyat.

Pakatan Rakyat komited untuk menghapuskan perjanjian *rent seeking* yang diwujudkan Barisan Nasional yang mengakibatkan rakyat menanggung beban yang teruk.


**MEMBANGUN KELOMPOK USAHAWAN, MENYOKONG
PERSAINGAN SIHAT**

REFORMASI GLC: PETRONAS DIDAHULUKAN

Bank Pembangunan Asia (ADB) menyatakan bahawa Malaysia menjadi kes klasik "perangkap pendapatan pertengahan". Sektor pembuatan terperangkap dengan aktiviti melibatkan buruh yang berat kerana menghadapi persaingan antarabangsa yang sengit. Kedua-dua sektor perkhidmatan dan pembuatan telah gagal untuk memberi nilai tambah kepada aktiviti yang berjalan. Pelaburan asing atau domestik yang diperlukan untuk membiayai pembangunan ini tidak benar-benar pulih sejak kemerosotan Krisis Kewangan Asia pada lewat 1990-an. Jumlah pelaburan (awam dan swasta) telah jatuh hampir separuh pada peringkat pra-Krisis dan terus berada dalam trend penurunan yang jelas sejak tahun 2001.

Situasi lebih buruk dengan pelaburan swasta. Semenjak Krisis, pelaburan swasta jatuh lebih daripada 70 peratus daripada jumlah pelaburan sehinggakan kepada tahap hampir menyamai jumlah pelaburan awam.

Figure 2: Malaysia Gross Fixed Capital Formation as % of GDP (Public and Private), 1993–2011



GDP = gross domestic product.
 Source: Bank Negara Malaysia Annual Report (various years) and Bank Negara Malaysia Q1 2012 Bulletin.

Sumber: (Menon, J., Malaysia's Investment Malaise, p. 3, Asian Development Bank)

Pengaliran modal secara mendadak keluar dari Malaysia telah berlaku sejak Krisis. Malaysia adalah pengeksport modal tunggal di kalangan negara-negara ASEAN. Tidak semua aliran keluar ini menepat undang - undang. Satu anggaran meletakkan nilai aliran keluar modal haram antara tahun 2000 sehingga 2008 adalah sebanyak USD291 bilion. ADB menyimpulkan bahawa "situasinya menunjukkan bahawa kedua-dua pelabur asing dan domestik keluar meninggalkan Malaysia".

GLC terus hadir dengan yang kukuh dalam semua sektor ekonomi kecuali bagi beberapa industri berkaitan makanan, mineral dan perkhidmatan. Sumbangan sebenar GLC kepada ekonomi kekal sebagai percanggahan - ada yang telah menyumbang banyak kepada pembangunan negara, kewujudan GLC juga dalam semua sektor telah merencatkan pelaburan swasta yang tidak mahu bersaing dengan GLC. Terdapat juga kes-kes penyelewengan dan pelaburan merugikan yang telah dibuat oleh GLC dan memberikan kerugian kepada dana daripada wang pembayar cukai.

Lebih sedekad yang lalu, terdapat pandangan yang lazim bahawa GLC yang baik harus dikawal dan ditentukan oleh pimpinan politik yang kemudiannya menjejaskan keupayaan mereka untuk membuat keputusan komersial. Akhir-akhir ini, GLC telah sekali lagi terjebak dengan campur tangan politik, sehinggakan menjadi penaja rasmi dan penganjur perhimpunan politik partisan.

Terdapat satu sebab yang kukuh dari segi moral dan ekonomi untuk dikaji semula model GLC dan kesannya ke atas ekonomi.

Mansuh 1MDB

Pakatan Rakyat akan memansuhkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dalam tempoh 100 hari pertama pentadbiran untuk memberi tumpuan semula terhadap semua pelaburan dan projek kerajaan dalam perniagaan menerusi Khazanah Nasional.

Kehadiran 1MDB yang melakukan fungsi strategi pelaburan yang sama dilaksanakan melalui Khazanah adalah menghairankan bilamana operasi yang samar dan keputusan pelaburan yang boleh dipersoalkan akan fungsi dan kebertanggungjawaban terhadap orang awam, terutama apabila melibatkan aset awam yang berharga. Kehadirannya bukan sahaja mencerminkan strategi pelaburan kerajaan yang tidak teratur, ia juga benar-benar membazir untuk mempunyai organisasi dengan objektif yang sama.

Pakatan Rakyat hendaklah memastikan bahawa semua aset yang telah dipindahkan atau semua projek disertai haruslah dikembalikan kepada orang awam dengan melihat semula ke dalam semua penyusunan komersial yang telah dimeterai oleh 1MDB.

Polisi Dividen Diwajibkan ke atas Khazanah

Satu audit menyeluruh dan kajian pelaburan kerajaan yang kini dipegang melalui Khazanah, Permodalan Nasional Berhad dan lain-lain syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) hendaklah segera dijalankan untuk menilai pulangan pelaburan yang dinikmati oleh kerajaan setakat ini.

Ini termasuk dasar dividen minimum yang akan dikenakan ke atas Khazanah bagi meningkatkan akauntabiliti dan peranannya dalam pembangunan negara, sama dengan peranan yang dimainkan oleh PETRONAS selama ini.

Untuk tahun 2013, Pakatan Rakyat mencadangkan polisi dividen minimum RM2b, kurang daripada 2% daripada nilai portfolio pelaburan sebanyak RM108 bilion (akhir tahun 2011).

Peralihan daripada penguasaan ekonomi oleh GLC

Dominasi GLC yang menguasai ekonomi dan mengakibatkan kesan kelembapan pada pelaburan swasta tidak boleh diselesaikan dalam sekelip mata. Pakatan Rakyat mencadangkan peralihan berperingkat yang menekankan peningkatan prestasi berbanding sekadar berpuas hati, dan dengan tujuan ke arah mengurangkan pemilikan kerajaan dalam perniagaan, dan membebaskan GLC daripada dominasi oleh ahli-ahli politik.

Pakatan Rakyat percaya bahawa GLC mempunyai kemampuan profesional untuk mencapai kecemerlangan. Oleh itu, di bawah Pakatan Rakyat, GLC akan dibebaskan untuk meneruskan inisiatif yang mereka anggap terbaik dalam konteks dasar perindustrian negara.

Dengan cara yang sama, kerajaan Pakatan Rakyat akan juga tidak akan secara automatik menjamin liabiliti mahupun keutamaan khas kepada GLC dalam urusan perolehan persekutuan.

Prinsip-prinsip berikut merupakan garis panduan secara kasar pembaharuan GLC yang akan dilaksanakan Pakatan Rakyat:

- Wakil kerajaan pada lembaga GLC pengarah terutamanya perlu memberi fokus kepada tanggungjawab etika yang normal, tadbir urus korporat, penilaian strategi perniagaan dan penelitian kawalan pengurusan.
- Pakatan Rakyat akan mengelak daripada menjadikan GLC teraju dalam pertumbuhan sektor dan aktiviti yang baru muncul; tetapi jika diperlukan, GLC perlu berfungsi sebagai rakan kongsi kepada sektor swasta dalam menjalankan apa-apa aktiviti bernilai tinggi dengan strategi penarikan diri yang jelas apabila keadaan membenarkan.
- Pakatan Rakyat mahu GLC untuk mempunyai kerjasama yang lebih besar tetapi telus, dan pastinya bukan pertentangan hubungan, dengan perniagaan swasta untuk kelebihan ekonomi pada skala yang baik, perkembangan integrasi dinamik / rangkaian ke dalam rantaian penawaran nasional dan serantau, dan untuk mewujudkan peluang-peluang untuk menjadi juara serantau dan antarabangsa.
- Penjualan pelaburan akan dijalankan dengan cara yang merangsang dinamisme sektor dan juga daya saing.

Mengurangkan kesan "menjejaskan" daripada GLC mampu menarik pelaburan swasta samada domestik dan pelaburan langsung asing yang perlu untuk mengembangkan ekonomi negara.

MEMBANGUN KELOMPOK USAHAWAN, MENYOKONG PERSAINGAN SIHAT

MEMBANGUN KELOMPOK USAHAWAN

Matlamat jangka sederhana dasar Pakatan Rakyat adalah untuk mewujudkan kelompok usahawan yang berdaya tahan dan membentuk blok asas ekonomi.

Gabungan perubahan struktur ke atas ekonomi bermula dengan reformasi GLC dan insentif untuk menggalakkan lebih ramai menjadi usahawan (berbanding kerja makan gaji) adalah preskripsi dasar yang akan dilaksanakan oleh Pakatan Rakyat dalam usaha untuk membangunkan usahawan.

Penjualan GLC bukan teras menerusi Management Buy-Outs (MBOs)

Pakatan Rakyat akan memulakan program untuk merasionalkan pelaburan kerajaan dalam perniagaan melalui penjualan GLC bukan teras kepada pihak pengurusan profesional syarikat sedia ada.

Fungsi dan peranan Ekuinas hendaklah dirombak untuk memberi tumpuan kepada memudahcara urusan *buy-out* (MBOs) syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang terlibat dalam perniagaan bukan teras oleh pasukan pengurusan profesional yang berkelayakan, cekap dan tulen.

Langkah ini dijangka akan mempercepatkan peningkatan bilangan perusahaan milik persendirian bersaiz sederhana yang memperkuat ekonomi berteraskan IKS.

Meningkatkan daya saing menerusi tender terbuka

Pakatan Rakyat akan melaksanakan dasar tender terbuka bagi pemerolehan kerajaan. Maklumat berkaitan butiran kontrak dan pembida yang berjaya akan disiarkan secara *online*.

Strategi penghubung untuk peningkatan produktiviti

Meningkatkan pembuatan adalah sasaran jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang yang memerlukan tindakan sekarang. Dalam usaha untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa pendek sehingga jangka masa sederhana, Pakatan Rakyat mencadangkan langkah-langkah berikut untuk membantu sektor industri kecil dan sederhana (IKS) dan untuk memacu inovasi:

- Dana Automasi IKS – RM500 juta
- Insentif cukai dan dana pemudah untuk IKS
- Dana Inovasi Kebangsaan– RM500 juta

Penstrukturan semula insentif untuk menggalakkan produktiviti dan prestasi

Insentif sedia ada kepada industri lebih banyak membantu tahap permulaan sesuatu perniagaan. Walaupun ini penting, industri sewajarnya digalakkan untuk menaiktaraf daripada tahap penghasilan pengeluaran atau pengeluaran kemahiran rendah. Insentif boleh distruktur semula untuk menyokong peningkatan produktiviti dan pencapaian prestasi termasuk menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

Integrasi meluas pembekal-pembekal tempatan ke dalam rantaian eksport pengeluaran akan disokong.

Pemindahan teknologi kekal sebagai mekanisme penting untuk menggalakkan peningkatan pengeluaran tempatan. Insentif bagi pelesenan teknologi untuk menyokong peningkatan produktiviti dalam firma tempatan akan ditubuhkan sebagai langkah interim manakala keupayaan R&D tempatan diperkukuhkan.

Memperkukuh R&D

Pakatan Rakyat akan memperkukuh pelaburan dalam bidang R&D kepada 5% KDNK seperti langkah berikut:

1. Memperluas skop pelaburan dan geran di bawah Dana Petroleum.
2. Pengecualian cukai ke atas barangan atau perkhidmatan komersial dari university tempatan atau institusi penyelidikan awam.
3. Pengecualian cukai untuk institusi penyelidikan dan pelepasan cukai peribadi untuk pakar yang terlibat dalam R&D.
4. Insentif pelaburan untuk hasil R&D Malaysia yang berjaya dikomersialkan.

Pakatan Rakyat juga akan mengadakan majlis khas melibatkan pihak industri, universiti/pusat penyelidikan dan kerajaan dalam usaha untuk mengukuhkan hubungan universiti-industri.

MASYARAKAT ADIL, BERMARUAH DAN BERMARTABAT KEADILAN DALAM AGIHAN HASIL MINYAK

Semangat Akta Pembangunan Petroleum 1974 mengiktiraf hak pemilikan sumber hidrokarbon negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia yang diserahkan kepada PETRONAS bertujuan untuk mewujudkan skala ekonomi bagi industry.

Penubuhan PETRONAS adalah unik kerana ianya merupakan simbol kepercayaan dan kesanggupan rakyat Malaysia dari pelbagai latarbelakang untuk melihat Negara ini maju, sehingga setiap negeri bersedia untuk menyerahkan hak pengurusan sumber paling berharga kepada sebuah badan yang baru diwujudkan.

Semangat Akta Kemajuan Petroleum 1974 juga menyedari hak setiap negeri untuk menerima jumlah pembayaran dalam bentuk royalti daripada hasil minyak dan gas. Walaupun diperhatikan perkara ini tidak digugat dalam tahun 70-an, 80-an dan 90-an, namun Barisan Nasional telah menggunakan dendam politik untuk mengkhianati kepercayaan dan keikhlasan rakyat seperti yang termaktub dalam akta 1974 ini.

Oleh itu, isu hasil daripada aktiviti minyak dan gas berkaitan negeri yang menghasilkan minyak tidak lagi menjadi polemik kewangan atau kontrak. Ia adalah keperluan moral bahawa apa yang berhak diberi kepada rakyat Kelantan, Sabah, Sarawak, Terengganu dan lain-lain negeri pengeluar minyak sewajarnya dibayar sepenuhnya.

Sebarang percubaan untuk menafikan hak rakyat daripada menikmati hasil tersebut adalah suatu bentuk kezaliman.

Pakatan Rakyat melihat isu ini melangkaui pertembungan politik. Ia kekal sebagai kes ujian yang akan diingati di masa hadapan dalam mencerminkan sifat pembuli kerajaan Persekutuan yang tidak

menghormati konsep Federalisme. Dengan terus menafikan royalti kepada rakyat Kelantan, Sabah, Sarawak, Terengganu dan lain-lain negeri pengeluar minyak, Barisan Nasional bakal berdepan risiko berikut:

1. Memberikan gambaran yang salah kepada pelabur antarabangsa yang melabur dalam pasaran minyak dan gas iaitu Malaysia tidak menghormati perjanjian dan kontrak.
2. Melebarkan jurang sosio-ekonomi di antara empat negeri tersebut dengan negeri-negeri yang lain memandangkan hasil royalti minyak adalah penting untuk digunakan dalam memacu pembangunan di negeri-negeri tersebut.
3. Memangsakan ekonomi yang paling berharga dalam masyarakat memandangkan kemiskinan tertinggi dicatatkan di negeri-negeri pengeluar minyak.

Dengan semangat Deklarasi Kuching, Pakatan Rakyat komited untuk memenuhi semua tuntutan di pihak kerajaan Persekutuan berhubung Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan membenarkan Sabah dan Sarawak untuk mempercepat projek-projek infrastruktur dan mengejar pembangunan seperti yang dilaksanakan di seluruh negara.

Meningkatkan Royalti Minyak sehingga 20%

Pakatan Rakyat akan memenuhi ikrar untuk meningkatkan royalti petroleum bagi negeri-negeri pengeluar minyak sehingga 20%. Langkah ini diramalkan membawa masuk tambahan RM12.5 bilion kepada negeri Kelantan, Sabah, Sarawak dan Terengganu sebagai negeri-negeri pengeluar minyak utama.

Pembayaran royalti petroleum akan disusuli dengan prosedur ketat melibatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban untuk memastikan bahawa setiap sen royalti petroleum sampai terus kepada rakyat.

Penubuhan syarikat-syarikat minyak dan gas taraf kedua milik-negeri

Pakatan Rakyat memandang berat terhadap layanan khas yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan tertentu dengan kerajaan seperti SapuraKenchana dalam mendapat faedah daripada kontrak perkongsian risiko (RSCs) untuk bidang yang marginal sedangkan tidak ada pelaburan yang dibuat untuk masa depan rakyat di negeri yang mengeluarkan minyak itu.

Terdapat kemahiran, kepakaran dan sumber yang mencukupi daripada negeri-negeri pengeluar minyak untuk membangunkan syarikat-syarikat minyak dan gas taraf kedua milik mereka yang boleh menggunakan RSCs untuk bidang marginal sebagai latihan sebelum bersaing di dalam pasaran mintyak dan gas yang lebih luas seperti mana PETRONAS di zaman awalnya.

Legasi dan manfaat daripada sumber-sumber gas dan minyak di negeri-negeri itu dapat memberi kebaikan melampaui tarikh luput sumber-sumber itu. Kemunculan syarikat-syarikat minyak dan gas taraf kedua milik negeri dapat mengekalkan kemahiran dan kepakaran di dalam syarikat itu yang kemudiannya dapat bersaing di mana sahaja, walaupun apabila sumber hidrokarbon habis sepenuhnya di Malaysia.

Pakatan Rakyat akan berkerjasama dengan kerajaan negeri untuk menubuhkan syarikat-syarikat minyak dan gas taraf kedua untuk Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan dan di negeri-negeri yang lain untuk mendapat keuntungan daripada pelaburan kewangan yang dibuat ke dalam bidang marginal menerusi kontrak perkongsian risiko (RSCs).

Pembinaan Lebuh raya Pan-Borneo dan penambahbaikan pada rangkaian rel di Sabah dan Sarawak

Beza liputan jalan raya antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak adalah begitu ketara sekali.

Ketika rangkaian jalan raya di Semenanjung telah sampai kepada keluasan 35, 743 km menjelang 2009, jumlah rangkaian jalan raya yang digabungkan antara Sabah dan Sarawak hanyalah sebanyak 10, 171 km.

Sabah dan Sarawak berada dalam keadaan yang amat memerlukan naik taraf besar-besaran rangkaian jalan raya, terutama sekali jika mengambil kira sumber-sumber minyak dan gas telah menyumbang dalam jumlah yang besar secara tidak langsung dalam pembangunan infrastruktur di seluruh negara.

Pakatan Rakyat berjanji untuk memulakan rekabentuk dan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Kuching dengan Kota Kinabalu dan pantai timur Sabah sebagai sebahagian daripada janji Pakatan Rakyat untuk membawa pembangunan di Sabah dan Sarawak supaya setanding dengan seluruh negara.

Kerajaan Persekutuan Pakatan Rakyat juga akan melaksanakan penilaian impak kewangan dan daya maju dalam menaiktaraf dan memperluaskan rangkaian kereta api di Sabah dan Sarawak yang sekarang ini hanya sejauh 134 km.

MASYARAKAT YANG ADIL, BERMARUAH DAN BERMARTABAT

MEMARTABAT DAN PENGIKTIRAFAN TERHADAP SURI RUMAHTANGGA

Malaysia adalah sebuah masyarakat dan ekonomi yang bergantung besar dengan penglibatan wanita. Mutakhir ini, pengaruh wanita dalam lingkungan politik dan sosio-ekonomi semakin meningkat dengan lebih banyak wanita menjawat kedudukan tinggi dalam sektor awam dan swasta.

Dengan wanita mendahului lelaki dalam pelajaran saban tahun membuatkan fenomena ini mendatangkan kesan besar terhadap masyarakat dan ekonomi kita pada masa akan datang.

Namun wanita masih lagi antara kelompok yang mudah terjejas ekonominya dalam masyarakat kita. Setakat ini, tiada skim khusus yang membentuk sistem jaringan keselamatan sosial menyeluruh yang menawarkan perlindungan kewangan buat wanita.

Caruman Wanita Nasional

Kini wujud keperluan untuk disegerakan sebuah skim simpanan dan insurans yang disasarkan kepada golongan wanita terutamanya suri rumah.

Selalunya, kes-kes perceraian atau kematian suami yang tiba-tiba membuatkan wanita terpaksa untuk menjaga dan menyara anak-anak tanpa sumber kewangan. Ujian dan kebimbangan bahawa golongan wanita perlu menghadapi situasi sebegini untuk menyesuaikan diri dengan cabaran ekonomi menekankan tiadanya sebuah jaringan keselamatan sosial yang benar-benar diperlukan dalam negara.

Wanita yang paling mudah terjejas datangnya dari golongan miskin yang berlatarbelakang kurang berpendidikan atau tidak berpendidikan yang mengekang mereka daripada menyertai tenaga kerja secara rasmi.

Pakatan Rakyat mencadangkan *Caruman Wanita Nasional*, sebuah jaringan keselamatan sosial menyeluruh buat para suri rumah. Ini adalah skim jaringan keselamatan sosial yang pertama kali diperkenalkan dalam negara.

Perlaksanaan dua tahun pertama fasa perintis melibatkan pendaftaran secara sukarela ke dalam skim ini sementara membuat penilaian terhadap kesediaan masyarakat dalam mewajibkan sumbangan daripada pihak suami.

Sebaik berdaftar, pihak suami dikehendaki untuk menyumbang kepada tabung ini daripada RM120 minima kepada RM1,200 maksima setahun bergantung kepada pendapatan bulanannya.

Kerajaan persekutuan akan menyumbang ke dalam tabung ini dengan sumbangan berjumlah RM600 setahun untuk semua yang berdaftar tidak kira sebanyak mana sumbangan suami.

Skim ini bertujuan untuk menyediakan simpanan awal sekurang-kurangnya RM5,000 bagi setiap suri rumah untuk lima tahun pertama sumbangan yang boleh dikeluarkan dalam situasi seperti kematian suami, perceraian, kecacatan kekal, hilang sumber pendapatan dan lain-lain. Sebaliknya, suri rumah boleh mengeluarkan simpanan ini pada umur 50 tahun yang pada ketika itu simpanan minimum dianggarkan mencecah RM30,000.

Caruman Wanita Nasional disasarkan untuk menjadi sebuah jaringan keselamatan sosial buat para suri rumah yang memberdayakan mereka secara ekonomi dan sosial. Hasil penilaian dan maklumbalas sepanjang dua tahun fasa perintis skim ini akan menjadi kayu ukur untuk mewajibkan penglibatan dan sumbangan suami dalam tabung ini pada tahun 2015 untuk memastikan semua wanita dilindungi dengan skim ini.

Perlaksanaan skim ini yang berbentuk pendaftaran secara sukarela buat keluarga dianggarkan berjumlah RM3 billion bagi kerajaan dalam tahun 2013.

MASYARAKAT YANG ADIL, BERMARUAH DAN BERMARTABAT

KEHIDUPAN SELAMAT DAN TERKAWAL

Pakatan Rakyat akan mempercepat pemodenan polis dengan memperbaiki teras kecekapan dan keupayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memerangi jenayah. Pemodenan ini merangkumi meneruskan peralihan PDRM yang berfungsi paramilitan dan pelindung rejim kepada institusi merakyat yang melindungi orang awam daripada jenayah – “dari pengguna kuasa kepada pemberi khidmat.”

Sebarang keperluan penambahan tenaga kerja untuk memerangi jenayah dapat dicapai dengan memperuntukkan semula kakitangan yang sedia ada kepada kawasan-kawasan tumpuan, pertukaran pegawai beruniform dari tugas bukan teras kepada tugas teras. Tenaga kerja diselaraskan dengan penambahan gaji pegawai sedia ada.

Reformasi ini akan:

- Meningkatkan keupayaan polis memerangi jenayah dengan menambah bilangan Pegawai Penyiasat Jabatan Siasatan Jenayah (CID);
- Meningkatkan bilangan rondaan dengan berjalan kaki;
- Meningkatkan outpost di kawasan hotspot jenayah bagi meningkatkan kehadiran polis dan mengurangkan tempoh respons antara balai polis dan tempat kejadian;
- Meningkatkan keupayaan saintifik dan teknologi (forensik);
- Memperbaiki takat dan kekerapan perhubungan awam, laporan bulanan data jenayah, dan laporan tahunan.

Pelaksanaan dengan tiga strategi:

1. Peruntukan Semula Sumber Manusia, Memperbaiki Memerangi Jenayah;
2. Meningkatkan Gaji Polis;
3. Memperbaiki Teknologi dan Komunikasi.

Peruntukan Semula Sumber Manusia, Memperbaiki Pembanterasannya Jenayah

Pada tahun 2011, kekuatan PDRM berada pada takat 105,929 kakitangan. Ini mewakili nisbah seorang pegawai polis untuk 270 penduduk (1:270). Angka ini sangat hampir dengan nisbah cadangan INTERPOL iaitu 1:250. Kementerian Dalam Negeri telah mengumumkan hasrat untuk menambah kekuatan polis kepada 150,000 kakitangan pada tahun 2015, peningkatan menghampiri 30%. Ini akan menuju kepada nisbah 1:190, jauh melebihi cadangan INTERPOL.

Justeru, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, keperluan untuk menambah banyak kakitangan polis adalah sangat sedikit. Sebaliknya, banyak lagi ruang untuk mengoptimalkan kerahan pegawai polis yang sedia ada untuk menangani kekurangan kakitangan di divisyen barisan hadapan, terutamanya dalam Jabatan Siasatan Jenayah (CID) dan Pengawasan Komuniti (Community Policing).

Kekurangan Kakitangan CID

Pada tahun 2005, CID mempunyai 6,661 kakitangan, di mana hanya 1,660 (24.9%) daripadanya adalah pegawai penyiasat (IO) / detektif. Kalau dibandingkan Unit Cawangan Khas (Special Branch) mempunyai 6,026 kakitangan, di mana 3,578 (59.4%) daripadanya adalah pegawai penyiasat/detektif, dua kali lebih banyak jumlah pegawai penyiasat CID.

Beban kes CID menghampiri 16 kes bagi setiap pegawai sebulan, tiga kali lebih tinggi daripada yang sepatutnya. Pada tahun 2009, daripada 9,621 kakitangan CID, hanya 2,233 (23%) daripadanya adalah pegawai penyiasat, yang menunjukkan penurunan tidak seimbang pegawai penyiasat berbanding kakitangan lain. Berdasarkan jumlah rasmi kadar jenayah yang dilaporkan pada 2009, beban kes telah menjadi 10 kes bagi setiap pegawai penyiasat sebulan.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2009, Ketua CID melaporkan pegawai penyiasat terpaksa berurusan dengan purata 20 kes sebulan. Melainkan angka ini dibesar-besarkan, kenyataan ketua CID ini bermaksud kadar jenayah rasmi yang dilaporkan adalah kurang sebanyak 50%.

Sekiranya jenayah sememangnya selalu dilaporkan kurang, mungkin kerana sebab-sebab politik, sekurang-kurangnya 9,000 pegawai penyiasat perlu menghadapi beban kes yang sebegitu. Ia seharusnya secara kasar lima kes bagi setiap pegawai sebulan sebagaimana yang cadangan Suruhanjaya Diraja Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia 2005. Pegawai penyiasat IO adalah penting untuk memperbaiki situasi jenayah dan mereka seharusnya tidak dibebankan dengan kes yang berlebihan.

Cadangan Pakatan Rakyat adalah untuk menghilangkan jurang sumber manusia ini dan memastikan CID mempunyai kakitangan yang secukupnya untuk menguruskan bilangan kes yang sepatutnya bagi seorang pegawai.

Suruhanjaya Diraja 2005 mengenalpasti tugas teras dan tugas bukan teras dalam perkhidmatan polis yang sedia ada. fungsi Bukan Teras adalah tugas yang tidak perlu dikendalikan oleh kakitangan beruniform terlatih untuk melaksanakannya, tugas sebegini boleh dikendalikan oleh penduduk biasa atau penjawat awam.

Contoh fungsi Bukan Teras adalah logistik, pentadbiran dan fungsi-fungsi kesetiausahaan. Pada tahun 2005, hampir 20% kakitangan PDRM terlibat dengan fungsi-fungsi Bukan Teras.

Pegawai bersesuaian yang kini berkhidmat dengan fungsi Bukan Teras seharusnya ditugaskan semula kepada CID sebagai pegawai penyiasat dan/atau ditukarkan kepada barisan hadapan tugas konstabel di bawah Pengawasan Komuniti.

Peruntukan semula polis daripada fungsi Bukan Teras kepada fungsi Teras boleh dikendalikan dengan bimbingan Suruhanjaya Pasukan Polis dalam Artikel 140 Perlembagaan Persekutuan.

Sebagai permulaan, pegawai-pegawai penyiasat yang kini ditugaskan dengan tugas pengawasan politikal harus ditukarkan daripada Cawangan Khas kepada CID. Pegawai penyiasat yang baki dalam Cawangan Khas bertugas di bawah anti-terroris intelligence harus disatukan dengan Police Counter-Terrorism Unit.

Pemodenan Pengawasan Dalam Negeri Melalui Pengawasan Komuniti

Dengan berakhirnya pemberontakan komunis pada tahun 1989, fungsi paramilitary PDRM harus digantikan. Fungsi-fungsi pertahanan nasional akan diuruskan sebaiknya oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Pakatan Rakyat mencadangkan peningkatan kehadiran konstabel di komuniti hotspot dengan:

- 1) Penugasan semula Pasukan Gerakan Am (GOF). Setakat ini Omnipresence Initiative di bawah NKRA Jenayah dilaksanakan dengan bantuan dari RELA dan JPAM. Pakatan Rakyat berpendapat hanya polis professional dan berkeelayakan sahaja harus diamanahkan dengan tugas ini. Dengan 14,551 kakitangan pada tahun 2010, GOF adalah ideal untuk memberikan khidmat ini kepada keselamatan semasa Malaysia dan akan datang.

- 2) Membina outpost polis di kawasan-kawasan hotspot bagi mengurangkan tempoh respons, menguatkan darjah keterlihatan, dan meningkatkan keyakinan awam. Sejar dengan perbelanjaan sebelum ini, RM30 juta akan diperuntukkan terhadap pembinaan outpost.

Menaiktaraf Saraan Polis

Daripada pembaziran hampir 30% penambahan tenaga kerja pada tahun 2015, penekanan harus dibuat terhadap peningkatan gaji untuk pasukan polis bagi melawan rasuah dan memberi ganjaran kepada perkhidmatan barisan hadapan yang akan memjana pengurangan signifikan dalam indeks jenayah.

Pakatan Rakyat mencadangkan perbelanjaan ke atas gaji polis ditingkatkan sebanyak 15% pada tahun 2013, sekurang-kurangnya penambahan sebanyak RM754 juta. Peningkatan gaji ini akan disalurkan kepada fungsi-fungsi teras. Penambahan gaji divisyen teras basmi jenayah ini akan membantu pertukaran kakitangan daripada bukan teras kepada fungsi teras.

Memperbaiki Teknologi dan Komunikasi

Keupayaan forensik siasatan jenayah di lapangan harus diperbaiki bagi meningkatkan mengenalpasti penjenayah, khususnya analisa cap jari. Peruntukan sebanyak RM 200 juta harus diberi kepada memperluas keupayaan forensik PDRM. Idealnya, pasukan forensik yang cukup harus mengiringi pengawai penyiasat semasa menyiasat kecurian dan kes-kes berkaitan selagi mana forensik boleh berperanan.

Komunikasi

Sebagai sebahagian usaha untuk memperbaiki komunikasi dan mempertingkatkan keyakinan awam, pihak polis harus mempertingkatkan usaha untuk melaporkan kejayaan mereka dalam melawan jenayah.

Dengan kehadiran NKRA pada tahun 2010, PDRM tidak lagi membuat Laporan Tahunan boleh diperolehi atas talian. Maklumat yang boleh diperolehi berkenaan kejayaan polis semakin berkurangan dalam kuantiti dan kualiti sejak tugas ini diambil alih oleh PEMANDU.

Sebagai usaha memperbaiki komunikasi dengan warga awam dan merealisasikan etos perkhidmatan, laporan angka jenayah hendaklah dilaporkan kepada warga awam dan media sebulan sekali.

ANEKDOT

MALAYSIA PADA TAHUN 2022

Malaysia telah muncul sebagai hub perkilangan dan pemasangan kereta terbesar di rantau ini dan juga merupakan negara yang mencatat penggunaan Green Car per kapita tertinggi di rantau ini.

Caruman Wanita Nasional menawarkan skim insurans dan takaful bagi penyumbang selain simpanan wajib untuk setiap ahli. Pendapatan pelaburan yang terjana daripada tabung ini akan diperuntukkan sebagai dana pembangunan dan pemberdayaan wanita.

Generasi pertama rumah mampu milik yang dibina oleh Lembaga Perumahan Nasional telah mencecah 10 tahun dan dihargai dengan nilai. Pembeli asal yang membeli rumah mereka melalui *model pemilikan bersama* dengan lembaga telah mendapat keuntungan modal dan digunakan untuk menambah baik kepada rumah yang lebih baik lalu memberi laluan kepada pembeli-pembeli baru untuk menikmati faedah ini.

Syarikat yang bermula daripada operasi pengurusan pemilik atau berasal daripada MBO pencairan GLC telah menjadi kumpulan terbesar dalam Bursa Kuala Lumpur membentuk sehingga 45% pemodal pasaran.

Tahun ketiga operasi penuh Lebuhraya Pan Borneo, jaringan lebuhraya di Sabah dan Sarawak dalam 4000 km kini setara dengan jaringan lebuhraya di Semenanjung.

Keempat-empat PetroSabah, SarawakOit, PetroTerengganu dan MinyakKelantan telah berkembang ke persada antarabangsa dengan jenama gah sebagai pakar pengendali telaga marginal.